



Australian Government

Department of Infrastructure, Transport,
Regional Development, Communications and the Arts

Perkhidmatan pengurusan, perancangan dan warisan tanah kerajaan

Disampaikan oleh Jabatan Perancangan, Tanah dan Warisan di Wilayah Lautan Hindi

January 2023

Perkhidmatan

Jabatan Perancangan, Tanah dan Warisan (DPLH), bagi pihak dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Australia, ialah penasihat utama Kerajaan Australia. Jabatan ini menyediakan kepakaran dan nasihat kepada Kerajaan Australia dan Menteri dalam hal pentadbiran tanah kerajaan, perancangan penggunaan tanah dan warisan di Wilayah ini.

DPLH juga menyokong Suruhanjaya Perancangan WA dengan pelaksanaan peranan, tanggungjawab dan fungsi mereka.

Apakah ertinya bagi saya?

DPLH menyediakan kepakaran, perkhidmatan dan sumber profesional dan teknikal yang berikut kepada Wilayah ini:

| Pengurusan Penggunaan Tanah | Perancangan Penggunaan Tanah | Warisan |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Pentadbiran dan pengurusan tanah kerajaan – DPLH menyediakan nasihat dan bantuan tentang dasar, prosedur dan keperluan berkanun bagi penggunaan dan pengurusan tanah kerajaan menurut pemegangan tanah kerajaan masing-masing. | DPLH melaksanakan penilaian dan pemrosesan permohonan pelan struktur, pecah bahagi dan permohonan hak milik strata. | DPLH menyediakan maklumat dan nasihat tentang pemuliharaan dan perlindungan warisan bersejarah di Wilayah ini. |
| Urusan dan ukuran tanah kerajaan – DPLH menyediakan dokumentasi pelaksanaan di bawah pihak berkuasa yang ditentukan dan mengemukakan dokumen-dokumen pemegangan bagi tujuan pendaftaran untuk menghantar pemegangan. DPLH juga menyusun arahan pengukuran tanah/pelan yang didepositkan untuk menyokong pelupusan tanah kerajaan menurut keputusan tentang penghantaran pemegangan. | DPLH melaksanakan proses-proses berkanun dan menasihati kerajaan tempatan dan komuniti di Wilayah ini tentang skim perancangan tempatan, pindaan skim dan strategi perancangan tempatan. | |

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya:

| Area | Contact details |
|-----------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Telefon | 08 6551 8002 |
| E-mel | Info@dplh.wa.gov.au |
| Laman web | www.wa.gov.au/organisation/department-of-planning-lands-and-heritage |